




**PELAN TINDAKAN MALAYSIA
BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI
FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN**

2024-2028

**MALAYSIA ACTION PLAN ON
PREVENTING AND COUNTERING
VIOLENT EXTREMISM (MYPCVE)**





**PELAN TINDAKAN MALAYSIA
BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI
FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN**

2024-2028

**MALAYSIA ACTION PLAN ON
PREVENTING AND COUNTERING
VIOLENT EXTREMISM (MYPECVE)**

KDN







“Kerangka MyPCVE menggariskan pelbagai peranan, rencana dan inisiatif yang menyemangati konsep MADANI yang menekankan kepada aspek nilai dan akhlak. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat untuk melaksanakan strategi dan inisiatif MyPCVE bagi memastikan isu ancaman keganasan dapat dibendung dan ditangani dengan baik.”

.....

ANWAR IBRAHIM



PERUTUSAN

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Keselamatan dan keharmonian nasional merupakan dua aspek asas yang menunjangi kestabilan negara. Faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan adalah melibatkan kestabilan politik, kepelbagaian kaum dan agama, serta pengaruh asing. Kegagalan dalam menguruskan elemen-elemen ini berpotensi menyebabkan kekacauan, dan oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengemudinya dengan berkesan.

Kerajaan yakin bahawa isu-isu perbezaan pendapat mesti ditangani dengan berhemah, malah budaya wacana yang sihat dan terbuka mesti mencambah dan ditambah dengan bijaksana. Sementelahan di zaman dan era maklumat yang terbuka ini, budaya ini mesti disemarakkan dan tidak dikekang, kerana ia adalah jawapan yang ampuh kepada masalah penularan ancaman fahaman pelampau atau ekstremisme yang mempunyai keupayaan yang tidak kecil dalam merenggut fabrik sosial negara ini yang sedia ada aman, berukun dan terangkum.

Lantaran itu, hadirnya kerangka Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*Malaysia Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism - MyPCVE*) adalah menepati keperluan semasa. Kerangka ini menggariskan pelbagai peranan, rencana dan inisiatif yang menyemangati konsep MADANI yang menekankan kepada aspek nilai dan akhlak. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat untuk melaksanakan strategi dan inisiatif MyPCVE bagi memastikan isu ancaman keganasan dapat dibendung dan ditangani dengan baik.

Saya amat berharap dengan segala usaha ini akan menghadirkan suasana harmoni dalam negara. Seharusnya semua pihak, sama ada sektor Kerajaan dan bukan kerajaan mengambil peluang ini untuk menggarap segala sasaran dan matlamat yang telah digariskan dalam kerangka MyPCVE ini.

Nescaya, segala kerjasama yang dicurahkan tanpa berbelah bagi oleh semua pihak akan memastikan MyPCVE dapat berperanan secara komprehensif dalam memacu aspek keselamatan negara.

ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri



“Diharapkan kerangka MyPCVE yang dibangun secara holistik dengan menerapkan nilai-nilai MADANI ini berupaya untuk bertindak sebagai rujukan dan panduan penting kepada seluruh pemegang taruh sama ada agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam menangani ancaman fahaman pelampau keganasan di Malaysia.”

.....
**DATUK SERI SAIFUDDIN
NASUTION BIN ISMAIL**



PRAKATA I

MENTERI DALAM NEGERI

Kerajaan Malaysia sememangnya komited untuk menjaga dan mengekalkan tahap keselamatan dalam negara. Komitmen ini menuntut usaha-usaha pencegahan dan pembanteras anasir-anasir dalam dan luar negara yang berupaya menggugat kestabilan dan ketenteraman masyarakat di negara ini.

Masyarakat majmuk Malaysia sememangnya unik kerana terdiri daripada kepelbagaian galur etnik, kepercayaan agama, taraf sosial dan status pendidikan. Namun begitu, masyarakat Malaysia tidak terkecuali dengan ancaman oleh pengaruh golongan pelampau politik, perkauman, sosial dan agama dari dalam dan luar yang cuba memecah-belahkan keharmonian yang telah wujud sekian lama. Teknologi dengan dunia tanpa sempadan menjadikan pengaruh pelampau keganasan lebih mudah menular dalam kalangan masyarakat.

Susulan keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ingin memastikan semua negara ahli memiliki pelan tindakan masing-masing, Kementerian Dalam Negeri mengambil tanggungjawab untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (NAPPCVE). Dalam konteks Malaysia, pelan tindakan yang berasaskan latar belakang budaya setempat yang dikenali sebagai Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*Malaysian Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism* (MyPCVE)) telah dibangunkan. MyPCVE merupakan garis panduan utama dalam menyelaraskan peranan, strategi dan inisiatif tindakan oleh pelbagai sektor iaitu kerajaan, swasta, media massa, pendidikan mahupun pelbagai kategori kumpulan masyarakat. Kerangka ini menyasarkan untuk menangani ancaman fahaman pelampau keganasan bersandarkan kepada empat teras, iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

Oleh itu, adalah diharapkan kerangka MyPCVE yang dibangunkan secara holistik dengan menerapkan nilai-nilai MADANI ini berupaya untuk bertindak sebagai rujukan dan panduan penting kepada seluruh pemegang taruh sama ada agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam menangani ancaman fahaman pelampau keganasan di Malaysia.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Menteri Dalam Negeri



“Keunikan kerangka ini adalah ia berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Islam sebagai agama persekutuan, serta norma dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.”

.....

DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN



PRAKATA II

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI


Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan merupakan suatu komitmen kerajaan dalam usaha untuk membanteras ancaman fahaman pelampau keganasan di Malaysia. Pelan tindakan ini sangat relevan untuk dijadikan sebagai garis panduan penting dalam mengambil kira kepelbagaian latar belakang etnik, agama dan sosial di Malaysia, serta risiko terdedah kepada pelbagai elemen dalam dan luar negara.

Selaras dengan usaha kerajaan dalam menangani ancaman fahaman pelampau keganasan dalam konteks sendiri, Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) diperkenalkan. Kerangka ini unik kerana berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Islam sebagai agama persekutuan, serta norma dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. MyPCVE turut mempromosikan strategi untuk menangani ancaman fahaman pelampau keganasan secara dua pendekatan, iaitu *soft approach* dan *hard approach*. Pelaksanaan kerangka ini adalah bertunjangkan kepada empat teras iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

Saya percaya MyPCVE mampu mencapai kejayaan melalui komitmen dan penglibatan pelbagai pihak yang merangkumi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, warga pendidik bagi pelbagai peringkat pendidikan, dan pertubuhan masyarakat sivil yang mewakili segenap kategori serta lapisan masyarakat di Malaysia. Justeru itu, kerjasama erat daripada semua pihak pasti akan membuah hasil dalam memartabatkan kesejahteraan, keselamatan dan kedaulatan negara sekali gus mendukung aspirasi Malaysia MADANI.

DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri





RINGKASAN EKSEKUTIF

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan. Kesenambungan Malaysia dalam kesepaduan rakyat, wilayah, kerajaan, kedaulatan dan pengiktirafan antarabangsa dinaungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perlembagaan menjadi asas kepada kerjasama, keadilan dan hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa dipelihara dan dilindungi. Fahaman pelampau yang menjurus kepada keganasan merupakan satu ancaman keselamatan dan ketenteraman dalam negara dan global yang perlu dihadapi secara menyeluruh. Fahaman pelampau keganasan merangkumi fahaman pelampau politik, sosial, agama dan elemen luar.

Kejadian keganasan yang berlaku di serata dunia dan di rantau Asia Tenggara perlu diambil pedoman agar ia tidak berlaku atau bertapak di Malaysia. Sebuah pelan tindakan perlu dibangunkan agar kerajaan dan rakyat memahami secara menyeluruh pendekatan yang diambil dalam menghadapi ancaman ini. Pelan ini perlu berasaskan beberapa nilai yang konsisten dengan kerangka MADANI yang diperkenalkan kerajaan sekarang. Nilai dan budaya rakyat yang beradab, seimbang antara ilmu dan akal, hormat-menghormati, yakin dan peka dengan perubahan dunia luar, harus menjadi benteng pertama dalam menghadapi ancaman fahaman pelampau yang menjurus kepada keganasan.

Sehubungan itu, kerangka MADANI yang diperkenalkan kerajaan merupakan suatu ikhtiar untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai kecerdikan budaya yang tinggi, bersifat ihsan dan peduli, hormat-menghormati, mampu menghadapi cabaran semasa dan bersedia untuk masa hadapan. Kesemua enam komponen dalam kerangka MADANI: keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan, Ihsan, berfungsi secara bersepadu dan holistik.

Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan atau *Malaysia Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism (MyPCVE)* mengambil kira struktur sosial negara yang berbilang kaum, budaya dan agama. Kerangka MADANI menjadi tonggak utama memacu kejayaan pelaksanaan inisiatif MyPCVE. MyPCVE akan menjadi pelan tindakan yang komprehensif dan terangkum melibatkan pelbagai pemegang taruh di Malaysia.

MyPCVE merangkumi empat (4) teras utama iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan. Setiap teras mempunyai beberapa fokus strategik, yang akan dilaksanakan melalui inisiatif terpilih dan diukur pencapaiannya melalui petunjuk prestasi utama. Inisiatif yang dibangunkan akan dilaksanakan secara bersinergi oleh pelbagai agensi yang telah dikenal pasti bagi mencegah dan menangani ancaman fahaman pelampau keganasan di Malaysia.

SITUASI SEMASA

Malaysia merupakan antara negara yang proaktif dari aspek mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan. Komitmen ini dapat dilihat melalui kedudukan Malaysia dalam senarai Indeks Keamanan Global 2023 (*Global Peace Index 2023*) di mana Malaysia menduduki tangga ke 10 daripada 163 negara yang disenaraikan. Indeks Keamanan Global merupakan kayu ukur kedudukan relatif sesebuah negara dari aspek keamanan dan keselamatan.

Indeks Legatum (*Legatum Prosperity Index 2021*) pula meletakkan Malaysia di kedudukan 42, peningkatan empat (4) kedudukan dalam tempoh sepuluh tahun. Peningkatan ini merupakan perkara yang positif kerana Indeks Legatum memfokus kepada pembinaan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara, melalui tadbir urus yang baik, kedaulatan undang-undang, modal sosial yang kukuh dan kebebasan peribadi. Ia juga menekankan kepimpinan politik yang berpaksikan kepada penyatupaduan rakyat, dan menolak agenda yang memecahbelahkan keharmonian masyarakat.

Namun, penyebaran luas ideologi fahaman pelampau berteraskan politik atau etnonasionalis, agama, dan pengaruh elemen radikal luar telah mula mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia.

Beberapa gerakan fahaman pelampau keganasan yang mempunyai idea dan ideologi bertentangan dengan norma kehidupan masyarakat majmuk telah dikesan dan dikenal pasti menyebarkan fahaman radikal di Malaysia.

Fahaman dan ideologi pelampau dikhuatiri akan terus berkembang dan boleh mempengaruhi pemikiran dan tindakan masyarakat Malaysia jika tidak dibendung. Idea yang radikal sama ada ganas atau tidak, perlu ditangani sebelum ia menjadi ancaman yang lebih besar kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ledakan teknologi digital semakin mendedahkan rakyat kepada fahaman dan idea pelampau dari luar.

Pembangunan MyPCVE mengambil kira struktur sosial negara yang berbilang kaum, budaya dan agama. Pelan yang dirangka juga memberi fokus kepada aspek ketenteraman awam dan keselamatan negara, dari segi kesatuan rakyatnya yang bertoleransi dan hormat-menghormati.

Di samping itu, pelan ini menjadi garis panduan setiap rakyat Malaysia untuk memahami, menggarap dan menghayati Perlembagaan Malaysia berasaskan sistem demokrasi yang mendukung Islam sebagai agama rasmi.



POLITIK ATAU
ETNONASIONALIS



SOSIAL



AGAMA



PENGARUH
ELEMEN LUAR

DASAR SEDIA ADA

Malaysia mendokong matlamat pembangunan mampan (*Sustainable Development Goals - SDG 2030*) yang diutarakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Nilai-nilai MADANI bermula dengan Mampan sebagai tekad dan iltizam menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.



Hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) adalah untuk merealisasikan matlamat pembangunan mampan (SDG). RMKe-12 ialah pelan jangka sederhana dengan objektif 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan'.

Bajet MADANI 2023 merupakan permulaan kepada fasa baharu dalam hala tuju pembangunan negara yang bertunjangan tiga tekad iaitu Pemacuan Ekonomi yang Terangkum dan Mampan, Reformasi Institusi dan Tatakelola Baik, serta Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan.

Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025 diperkenalkan sebagai dokumen utama dalam menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang semakin dinamik dan kompleks. Melalui DKN ini, pelaksanaan strategi-strategi utama akan dapat memastikan Nilai-Nilai Teras Keselamatan Negara (*National Security Core Values*) dipertahankan seterusnya menjadikan Malaysia bebas dari segala bentuk ancaman, bukan sahaja yang bersifat fizikal tetapi bebas juga dari ancaman bukan fizikal yang mempengaruhi dan merosakkan pemikiran rakyat.

Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) juga telah dirangka sebagai panduan dan rujukan bagi mendepani pelbagai isu dalam sektor keselamatan dan ketenteraman awam yang kian mencabar.

Berdasarkan dasar-dasar yang diperjelaskan di atas, maka MyPCVE dibangunkan bertujuan untuk menyusun strategi ke arah memperkasakan pelaksanaan agenda keamanan dan ketenteraman awam di Malaysia.

Pelan ini bertujuan menambah baik strategi keselamatan dalam kalangan pihak berkuasa di samping memupuk nilai kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam kalangan masyarakat bagi menghasilkan masyarakat yang bertoleransi dan berpengetahuan mendalam dari aspek menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Visi Malaysia secara umum adalah untuk menjadi negara maju dan makmur. Kemajuan dan kemakmuran yang mampan amat bergantung kepada modal insan rakyat yang terdidik, berilmu dan berakhlak. Rakyat Malaysia disediakan ruang dan peluang dalam menuntut ilmu dan terdedah kepada ledakan maklumat daripada pelbagai sumber. Hasilnya, mereka menjadi rakyat yang mempunyai kepelbagaian pendapat, kepercayaan dan sistem nilai. Sebahagian daripada kepelbagaian ini boleh menjadi fahaman melampau jika tidak dibendung secara holistik.

Dalam konteks agama, fahaman melampau boleh membawa kepada radikalisme dan keganasan yang mencetuskan kebencian terhadap agama lain. Sikap taksub perkauman yang melampau boleh membawa kepada diskriminasi kaum, menggalakkan etnosentrisme, dan mewujudkan perpecahan sosial.

Dalam konteks isu sosial dan politik, ideologi melampau boleh membawa kepada polarisasi, radikalisme, dan keganasan. Mereka boleh menjejaskan proses demokrasi, menghakis kepercayaan terhadap institusi, dan mewujudkan persekitaran ketakutan dan ketidakpastian. Kesemua fahaman melampau ini akan menyemai perpecahan dalam masyarakat, melanggar nilai amanah, belas kasihan dan hormat-menghormati serta menjejaskan nilai inovasi dan kemajuan ke arah kemakmuran bersama.

Malaysia kini menekankan nilai-nilai MADANI untuk menggalakkan pembangunan mampan, keadilan sosial dan budaya cemerlang. Nilai-nilai ini menekankan kepada dialog bersama, saling memahami dan hormat-menghormati dalam mendepani kepelbagaian pendapat dan kepercayaan. Ini merupakan intipati kepada *soft approach* yang ada dalam pelan ini.

Namun, ancaman dari sikap tidak bertoleransi, ketaksuban, dan keganasan perlu dihadapi dengan *hard approach* yang juga ada dalam pelan ini. Malaysia perlu membina semula negara dengan masyarakat yang berjiwa ihsan, peduli, hormat-menghormati yang meraikan kepelbagaian masyarakat secara bertamaddun.

Ancaman fahaman melampau memerlukan pementapan pengurusan kawalan keselamatan negara dan pendekatan yang holistik. Sebanyak enam (6) isu dan cabaran utama berkaitan fahaman melampau keganasan telah dikenal pasti yang perlu ditangani dalam tempoh pelaksanaan pelan MyPCVE ini.

Berdasarkan isu dan cabaran yang dikenal pasti, terdapat keperluan untuk membangunkan MyPCVE. Pembinaan pelan tindakan ini turut merujuk beberapa dasar sedia ada dan hasil kajian yang komprehensif bersama pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menangani masalah fahaman melampau di negara ini.

ILMU & KEFAHAMAN



- Ilmu dan kefahaman berkaitan fahaman pelampau keganasan di Malaysia masih rendah.
- Kurang pendedahan dan perkongsian maklumat berkaitan fahaman pelampau keganasan.

GEOPOLITIK



- Lokasi Malaysia yang strategik antara Barat dan Timur menjadikannya sebagai pusat penyebaran fahaman radikal dan keganasan dan juga pusat transit berkaitan.
- Naratif Malaysia sebagai pusat transit dan latihan kumpulan pelampau luar negara.

AKSES PENDANAAN



- Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam negara yang menerima dana dari organisasi luar negara.
- Pelaksanaan aktiviti keganasan secara langsung dan tidak langsung melalui dana luar negara.

KERJASAMA ANTARA AGENSI



- Kurangnya penyelarasan kerjasama dalam program dan aktiviti antara agensi.
- Pertindihan program dan aktiviti dan fungsi oleh beberapa agensi dan kementerian.

GLOBALISASI & ARUS PEMODENAN



- Dominasi ideologi luar yang memperjuangkan pemikiran bebas dan amalan budaya songsang yang sukar dibendung oleh pihak berwajib.
- Perkembangan teknologi secara bebas memudahkan fahaman pelampau keganasan ini menyusup masuk dan menghancurkan pemikiran rakyat Malaysia.

ANCAMAN PERLEMBAGAAN




- Gerakan yang mencabar perlembagaan negara bertujuan menghasut rakyat membenci sistem Raja Berperlembagaan, hak istimewa orang Melayu dan Islam sebagai agama Persekutuan.

PROSES PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN (MyPCVE)



PROSES PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN (MyPCVE)



KERANGKA KONSEP PELAN TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN (MyPCVE)



Pembangunan MyPCVE mengambil kira dasar utama negara dan perancangan beberapa Kementerian yang terlibat secara langsung dengan aktiviti mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan. Seterusnya, satu kerangka tindakan yang dinamakan sebagai MyPCVE disediakan bagi memperincikan pelaksanaan NAPPCVE di mana MyPCVE memperkenalkan empat (4) teras utama, beberapa fokus strategik bagi setiap teras, disokong oleh strategi, inisiatif dan petunjuk prestasi utama yang bersesuaian. Pemantauan pelaksanaan yang berkesan akan membolehkan MyPCVE membuahkan keberhasilan yang signifikan dalam usaha negara untuk mencapai kemampuan pembinaan negara bangsa.



PELAN TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN (MyPCVE)

MyPCVE memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan awam terjamin dan negara kekal sebagai sebuah negara yang tenteram dan makmur. Dalam menyusun strategi, pelan ini memperkenalkan satu kerangka tindakan bertujuan untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang peka, berilmu dan memahami isu dan cabaran semasa berkaitan fahaman pelampau keganasan bagi menyumbang kepada kemampuan pembinaan negara bangsa. Pelan tindakan ini juga menggabungkan kerjasama bersinergi antara Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil bagi memantapkan pelaksanaan inisiatif yang dikenal pasti untuk mendapatkan keberhasilan yang diinginkan.

MyPCVE memfokuskan kepada isu ancaman fahaman pelampau secara holistik yang merangkumi fahaman pelampau politik, sosial, agama dan elemen luar dan menggabungkan pendekatan lembut dan keras (*soft and hard approach*) dalam membangunkan strategi dan inisiatif mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan. MyPCVE mengambil kira situasi semasa, isu dan cabaran, serta input dan maklum balas semua pemegang taruh utama daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa dan budaya.

MyPCVE juga mengambil kira hala tuju kerajaan melalui dasar utama seperti konsep Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia Ke-12, Dasar Keselamatan Negara (DKN) dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Ia juga merujuk kepada perancangan beberapa Kementerian utama seperti Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri 2021-2025 dan beberapa Kementerian lain. MyPCVE mempunyai empat (4) teras iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

TERAS

01

PENCEGAHAN

Melaksanakan strategi dan program intervensi pencegahan fahaman pelampau keganasan, serta membentuk kerjasama dan perkongsian pintar antara masyarakat dan pihak berkuasa.




TERAS

02

PENGUATKUASAAN

Pemantapan penguatkuasaan undang-undang berkaitan fahaman pelampau keganasan yang perlu dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat dalam menjamin keharmonian, keselamatan dan ketenteraman awam.



TERAS

03

PEMULIHAN

Pemulihan holistik yang merangkumi pemulihan fahaman, pembentukan jati diri yang kukuh, sokongan yang berterusan untuk membina kehidupan baharu selepas tahanan, dan menjadi rakyat yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.



TERAS

04

PENGUKUHAN

Pembinaan jati diri dan sahsiah rakyat Malaysia yang boleh dipupuk dan dibentuk melalui pendidikan dan sosialisasi terutamanya semasa fasa kanak-kanak dan belia.



TERAS MyPCVE

MyPCVE mempunyai empat (4) teras untuk mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan.

TERAS PENCEGAHAN bertujuan untuk meningkatkan kepekaan, komunikasi efektif dan kolaborasi strategik antara masyarakat dengan pihak berwajib serta sesama pihak berwajib dalam menangani ancaman fahaman pelampau keganasan.

TERAS PENGUKUHAN bertujuan mengukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia terhadap Perlembagaan Persekutuan, undang-undang, Rukun Negara, agama Islam dan nilai murni bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia.



TERAS PENGUKUHAN bertujuan menguatkuasakan undang-undang berkaitan fahaman pelampau yang diperuntukkan, dilaksanakan dan dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat agar keharmonian, keselamatan dan ketenteraman awam dapat dipelihara.

TERAS PEMULIHAN memfokuskan pada pemulihan fahaman pelampau, penerapan nilai-nilai positif, pembinaan jati diri, pemerksaan diri dan keluarga.


KEUNIKAN MyPCVE

MyPCVE menekankan isu ancaman fahaman pelampau keganasan secara holistik, merangkumi fahaman pelampau politik dan perkauman, sosial, agama dan elemen luar. Pendekatan yang komprehensif merangkumi empat (4) teras iaitu pencegahan, penguatkuasaan, pemulihan dan pengukuhan. Pendekatan yang bersepadu melibatkan *soft approach* dan *hard approach*. MyPCVE mengambil kira pandangan pemegang taruh utama seperti agensi awam, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, tokoh pemikir serta masyarakat awam.

MyPCVE dibina dalam kerangka kemampunan pembinaan negara MADANI beracuankan Perlembagaan Persekutuan, kedaulatan undang-undang, Rukun Negara, Islam sebagai agama Persekutuan, norma dan nilai masyarakat Malaysia. MyPCVE mengambil kira pendekatan secara menyeluruh dan keunikan Malaysia sebagai negara yang berbilang bangsa, kaum, budaya dan agama. MyPCVE dibina dengan merujuk Pelan Tindakan menangani ekstremisme negara lain. Namun, MyPCVE yang dihasilkan adalah unik kerana ia melihat fahaman pelampau secara menyeluruh dan menggunakan *soft* dan *hard approach* serta berpandukan beberapa prinsip, dasar, dan nilai yang unik bagi Malaysia.

Secara amnya, rakyat perlu mara ke depan sebagai sebuah masyarakat yang mampan, berintegriti dan bermaruah, dengan kesedaran tanggungjawab antara satu sama lain. Kepelbagaian kaum, agama, pemikiran, nilai, dan pendirian terhadap isu-isu tertentu dalam persekitaran dunia yang terbuka boleh membawa kepada beberapa fahaman pelampau. MyPCVE akan memainkan peranan penting agar kecenderungan fahaman pelampau dapat diatasi secara holistik dan berkesan.

EMPAT TERAS PELAN TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN (MyPCVE)



TERAS PENCEGAHAN

Pencegahan memberi tumpuan kepada langkah intervensi awal bagi mengurangkan kadar penularan fahaman pelampau keganasan dalam kalangan masyarakat. Pendekatan awal melalui program intervensi mampu membina kemampuan atau kapasiti individu dan kumpulan yang berisiko agar mereka dapat melawan tarikan ideologi radikal dan tidak terlibat dengan lebih jauh dalam aktiviti fahaman pelampau keganasan.

Objektif utama Pencegahan adalah meningkatkan kepekaan, perkongsian pintar dan kolaborasi strategik antara masyarakat dengan pihak berwajib serta sesama pihak berwajib dalam menangani fahaman pelampau keganasan.

Teras ini mempunyai tiga (3) fokus strategik utama iaitu Kepekaan, Perkongsian Pintar dan Kolaborasi Strategik. Setiap fokus strategik didorong oleh satu strategi dan beberapa inisiatif tersendiri. Setiap strategi untuk fokus strategik tersebut adalah seperti berikut:

3 FOKUS STRATEGIK

8 INISIATIF

8 PETUNJUK PRESTASI UTAMA



TERAS PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan adalah melalui penambahbaikan undang-undang berkaitan fahaman pelampau.

Objektif utama Penguatkuasaan adalah memantapkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan fahaman pelampau yang perlu dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat dalam menjamin keharmonian, keselamatan dan ketenteraman awam

Teras ini mempunyai tiga (3) fokus strategik utama iaitu Penguatkuasaan Undang-undang, Penambahbaikan Undang-undang dan Peningkatan Kesedaran Undang-undang. Setiap fokus strategik didorong oleh satu petunjuk prestasi utama dan beberapa inisiatif tersendiri. Setiap strategi untuk fokus strategik tersebut adalah seperti berikut:

3 FOKUS STRATEGIK

13 INISIATIF

18 PETUNJUK PRESTASI UTAMA

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Strategi

Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang sedia ada berkaitan fahaman pelampau.

TERAS PENGUATKUASAAN

PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG

Strategi

Menambah baik undang-undang berkaitan fahaman pelampau di Malaysia.

PENINGKATAN KESEDARAN UNDANG-UNDANG

Strategi

Meningkatkan kesedaran awam mengenai undang-undang berkaitan fahaman pelampau di Malaysia.

TERAS PEMULIHAN

Pemulihan merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk menangani fahaman pelampau terhadap individu yang ditahan atas tuduhan berkaitan keganasan dan ancaman kepada keselamatan negara.

Objektif utama Pemulihan adalah pemulihan holistik yang merangkumi pemulihan fahaman, pembentukan jati diri yang kukuh, sokongan yang berterusan untuk membina kehidupan baharu selepas tahanan, dan menjadi rakyat yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Teras ini mempunyai empat (4) fokus strategik utama iaitu Penilaian, Kemampanan, Libat Urus dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Setiap fokus strategik didorong oleh satu strategi dan beberapa inisiatif tersendiri. Setiap strategi untuk fokus strategik tersebut adalah seperti berikut:

4 FOKUS STRATEGIK

13 INISIATIF

13 PETUNJUK PRESTASI UTAMA



TERAS PENGUKUHAN

Penguksuhan jati diri sebagai rakyat Malaysia terhadap Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, undang-undang, agama Islam dan nilai-nilai murni agama lain bersesuaian dengan norma masyarakat Malaysia.

Objektif utama Penguksuhan adalah membina jati diri sebagai rakyat Malaysia yang mendukung keluhuran Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, undang-undang, agama Islam dan nilai-nilai murni agama lain, serta norma masyarakat.

Teras ini mempunyai lima (5) fokus strategik utama iaitu Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Belia dan Masyarakat, Penerapan Agama Islam dan Nilai Murni, Komunikasi Strategik dan Bersinergi dan Hubungan Luar Negara. Setiap fokus strategik didorong oleh satu strategi dan beberapa inisiatif tersendiri. Setiap strategi untuk fokus strategik tersebut adalah seperti berikut:

5 FOKUS STRATEGIK

25 INISIATIF

21 PETUNJUK PRESTASI UTAMA



KESIMPULAN

Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) menggariskan teras, fokus strategik, strategi dan inisiatif bagi memacu agensi berkenaan di bawah Kerajaan Malaysia untuk mengambil tindakan berkesan dan memastikan kemampuan pembinaan negara MADANI terpelihara dari ancaman fahaman pelampau keganasan. Kerangka MyPCVE ini menekankan empat (4) teras iaitu **Pencegahan, Penguatkuasaan, Pemulihan dan Pengukuhan**. Untuk memastikan pelaksanaan MyPCVE mencapai objektif dan strategi yang digariskan, pelan ini perlu digalas bersama-sama oleh pihak kerajaan dan masyarakat sivil merangkumi ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi penyelidikan dan masyarakat setempat.

Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan MyPCVE, satu Jawatankuasa Induk peringkat tertinggi dibentuk bagi membuat keputusan dasar dan polisi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri dengan keanggotaan terdiri daripada kementerian dan jabatan yang bersesuaian. Jawatankuasa Induk ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Pemantauan yang diurusetikan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menyelaraskan dan memantau inisiatif dan petunjuk prestasi utama MyPCVE.

Pelaksanaan pelan ini akan membantu dalam pembangunan dan pertumbuhan Malaysia MADANI tanpa diganggu ancaman fahaman pelampau dan risiko keganasan yang berkait dengannya.



PENGHARGAAN

Kementerian Dalam Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pasukan perunding, ahli akademik, pertubuhan antarabangsa dan individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas sumbangan dalam menghasilkan Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) 2024 - 2028.

